



---

---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**

**Y.B. TIMBALAN MENTERI**

**Y.BHG. KSU**

**Y.BHG. TKSU (PDN)**

**Y.BHG. TKSU (PUP)**

**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**9 APRIL 2021 (JUMAAT)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**9 APRIL 2021 (JUMAAT)**

Taktik rakyat Thailand seludup minyak masak bersubsidi

## Pulang sambil bawa minyak

Oleh NUR NAZLINA NADZARI  
utusannews@mediamulia.com.my

**PADANG BESAR:** Menyembunyikan minyak masak bersama barang eksport lain di dalam lori atau pikap dari Thailand menjadi taktik penyeludupan minyak masak bersubsidi tersebut ke negara jiran melalui laluan darat di kawasan sempadan Padang Besar di sini.

Penyeludup dikatakan mengambil kesempatan membawa minyak masak tersebut dengan menyembunyikan di sebalik barang lain ketika dalam perjalanan pulang ke Thailand selepas menghantar barang di negara ini bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Malah, mereka juga dikatakan menggunakan gudang di sini sebagai tempat transit sebelum menyeludup minyak tersebut ke negara jiran.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia* hari ini, Komander Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) negeri, Deputi Superintenden Azizan Saman berkata, dalam perjalanan pulang membawa barang eksport dari negara ini, mereka menyelit minyak masak bersubsidi itu.

Katanya, minyak masak paket bersubsidi itu lazimnya diletakkan di bahagian belakang kenderaan perdagangan dari Thailand seperti pikap atau lori yang disembunyikan bersama

barang makanan lain seperti minuman, tepung, mi segera dan pelbagai lagi.

Bagaimanapun, katanya, tindakan penyeludup tersebut berjaya dikesan pihaknya yang melakukan banyak rampasan sebelum ini.

"Sejak awal tahun sehingga kini, kita berjaya merampas 952 kilogram minyak masak paket bersubsidi bernilai RM72,380.

"Ianya melibatkan dua kes, pertama rampasan sebuah kenderaan pikap yang dipandu warga Thailand manakala satu lagi di sebuah gudang penyimpanan di sekitar Padang Besar bersama warga tempatan dipercayai pemilik gudang," katanya.

Menurut Azizan, permintaan tinggi terhadap minyak masak bersubsidi di negara jiran itu mendorong kepada aktiviti penyeludupan tersebut.

Minyak masak paket di negara ini berharga RM2.50 dan bagi pasaran di Thailand pula dikatakan mencecah RM4 sekali gus memberi keuntungan lumayan kepada penyeludup.

*Utusan Malaysia* baru-baru ini melaporkan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendedahkan pakatan jahat antara pengedar, pemborong dan pembungkus minyak masak menyeleweng subsidi bernilai kira-kira RM50 juta yang diberikan kerajaan setiap bulan.



PENYELUDUP dikatakan mengambil kesempatan membawa minyak masak dengan menyembunyikannya di sebalik barang lain di dalam lori atau pikap ketika dalam perjalanan pulang ke Thailand.

## Padah rasuah penjawat awam

**IPOH:** Seorang peniaga didakwa di Mahkamah Sesyen Ipoh di sini semalam atas tuduhan memberi rasuah berjumlah RM30,150 kepada seorang penjawat awam, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Lee Soon Teck, 52, bagaimana pun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan dalam bahasa Hokkien di hadapan Hakim S. Indra Nehru.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa memberi suapan berbentuk wang tunai kepada Pembantu Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) Putrajaya, Muhammad Fithry Hassan.

Ia sebagai dorongan untuk melepaskan tertuduh daripada diambil tindakan undang-undang kerana menyimpan baja bersubsidi tanpa lesen di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Dia didakwa melakukan kesalahan di sebuah premis di Batu 6, Jalan Baru, Parit Buntar, kira-kira pukul 10.30 pagi pada 8 Oktober 2018.

# 180 premis Pasar Borong KL diperiksa

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 180 premis di Pasar Borong Kuala Lumpur di sini, diperiksa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur, awal pagi semalam.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kuala Lumpur, Zubir Hamsa berkata, pemeriksaan dilakukan 18 anggota penguat kuasa KPDNHEP Kuala Lumpur, sembilan pegawai KPDNHEP Gombak serta 10 pegawai dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di lokasi berkenaan bermula jam 2 hingga 4 pagi.

"Pemeriksaan itu meliputi pematuhan peniaga dalam menggunakan alat timbang yang sah serta tumpuan bagi melihat sama ada berlaku aktiviti mencatut di pasar ini.

"Sebanyak 180 premis diperiksa dengan empat notis di bawah Akta Pencatutan 2011 dikeluaran kepada peniaga bagi mendapatkan maklumat lanjut perubahan harga.

"Peniaga yang menerima notis diberi dua hari memberi maklum balas dan menjelaskan mengapa

barang jualan mereka mengalami kenaikan harga," katanya dalam kenyataan, semalam.

Zubir berkata, lapan peniaga lain diberi amaran atas kesalan kecil dan KPDNHEP juga mengeluarkan kompaun terhadap tiga peniaga kerana melakukan kesalahan mengikut Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Bagaimanapun, hasil pemeriksaan dilakukan mendapati kebanyakan peniaga di pasar borong ini mematuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan," katanya menasihatkan semua peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga bagi tujuan mencatut.

"Peniaga juga diminta bertimbang rasa dalam menjalankan perniagaan dan berurusniaga secara berhemah. Bagi pengguna pula, mereka dinasihatkan membuat perbandingan harga barang sebelum membeli.

"Perbandingan harga boleh dibuat di aplikasi 'Price Catcher' yang diperkenalkan oleh KPDNHEP bagi mendapatkan harga dan premis yang terbaik sebelum berbelanja," katanya.



Penguat kuasa KPDNHEP melakukan pemeriksaan terhadap premis perniagaan di Pasar Borong Kuala Lumpur, semalam. (Foto ihsan KPDNHEP)

## Tiga peniaga dikompaun, lapan diberi amaran

**PETALING JAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) mengeluarkan kompaun terhadap tiga peniaga atas kesalahan di bawah Akta Timbang dan Sukat.

Kesalahan itu dikesan ketika pemeriksaan dijalankan bersama KPDNHEP Cawangan Gombak dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Pasar Borong Kuala Lumpur bermula pukul 2 hingga 4 pagi, semalam.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP WPKL, Zubir Hamsa berkata, sebanyak empat notis di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 turut dikeluarkan kepada peniaga bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan perubahan harga.

Menurutnya, peniaga diberi tempoh dua hari bagi memberikan maklum balas dan penjelasan mengapa barang jualan mereka mengalami kenaikan harga.

“Selain itu, lapan peniaga lain diberi amaran atas kesalahan kecil dan hasil pemeriksaan men-



**PETUGAS KPDNHEP** sedang melakukan pemeriksaan di Pasar Borong Kuala Lumpur, awal pagi semalam.

dapati majoriti peniaga di pasar itu mematuhi peraturan.

“Peniaga termasuk pemborong dan peruncit dinasihatkan agar bertimbang rasa serta tidak mengambil kesempatan menaikkan harga bagi tujuan mencatut,” katanya.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 9/4/2021  
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	RM5.99	Telur Gred A	RM8.90	Gula Pasir	RM2.85	Cili Merah	RM5.90
Daging Lembu Tempatan	RM35	Ikan Kembung	RM10.90	Bawang Besar Holland	RM2.89	Kubis Bulat Tempatan	RM2.50
Daging Lembu Import	RM21	Minyak Masak	RM5.40	Bawang Putih	RM4.99	Tepung Gandum	RM2.15

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP